

03 OCT 1996
Mahathir-Tiba
PM TIBA UNTUK HADIRI PERHIMPUNAN PERPADUAN MELAYU

KOTA BAHARU, 3 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diberi sambutan meriah setibanya di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, dekat sini petang ini bagi menghadiri Perhimpunan Penyatuan Melayu anjuran bersama Parti Melayu Semangat 46 (S46) dan Umno.

Sejurus tiba dengan pesawat eksekutif pada pukul 4.05 petang, Dr Mahathir yang disambut oleh Presiden S46 Tengku Razaleigh Hamzah dan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Annuar Musa.

Yang turut menyambut ketibaan Perdana Menteri ialah pemimpin-pemimpin Barisan Nasional negeri, S46 pusat dan negeri, pemimpin masyarakat dan ketua-ketua jabatan Persekutuan di negeri ini.

Kedatangan Dr Mahathir ke Kelantan kali ini dianggap penuh bermakna kerana Perhimpunan Perpaduan Melayu yang dihidirinya itu membuka era baru perpaduan politik orang Melayu di Kelantan khususnya dan di negara ini amnya.

Perhimpunan itu dianggap pembuka tirai kepada pembubaran S46 yang akan disusuli dengan penyertaan semula Tengku Razaleigh dan pengikut-pengikutnya ke dalam Umno.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan kemudian diiringi keluar dari lapangan terbang menuju ke padang Sekolah Kebangsaan Padang Garong I, di sini tempat perhimpunan itu berlangsung.

Pada perhimpunan itu Dr Mahathir akan menyampaikan amanat penting mengenai penyatuan orang Melayu dan masa depan politik Melayu di hadapan ribuan penyokong UMNO dan S46.

Penganjuran perhimpunan itu dipengerusikan bersama oleh Pengerusi Perhubungan S46 Kelantan Datuk Rozali Isohak dan Annuar.-- BERNAMA

SZ OBA